

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
[Bagan Datuk]**

SOALAN : 32

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan berkenaan Akta Anti Berita Tidak Benar 2018, adakah Kerajaan masih ingin menghapuskan akta ini ataupun mengekalkannya.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) telah ditolak di Dewan Negara. Dalam hal penolakan ini, Fasal (2) Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 tersebut perlu dibentangkan semula di Dewan Rakyat dan diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat.

2. Proses ini tidak boleh dimulakan lebih awal dan hanya boleh dimulakan setahun selepas Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 mula-mula diluluskan oleh Dewan Rakyat. Rang

NO. SOALAN: 32

Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Ogos 2018 justeru proses ini hanya boleh dimulakan selepas 16 Ogos 2019.

3. Selepas Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 dibentangkan semula di Dewan Negara, sama ada Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 diluluskan ataupun tidak oleh Dewan Negara, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya untuk menjadi suatu undang-undang sepertimana yang termaktub dalam Fasal (2) Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.